

**Penguasaan Ayat Majmuk Gabungan dalam Forum Latihan
Tutorial oleh Mahasiswa Major Linguistik Bahasa Melayu**
(*The Mastery of Coordinative Compound Sentences in Tutorial Training Forums among
Students Majoring in Malay Linguistics*)

¹SITI MAISARAH NOOR AZMAN, ²NUR NADHIRAH ABD HALIM &
³MUHAMMAD ZAID DAUD*

^{1,2,3}*Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.*

Dihantar: 27 Januari 2026 / Diterima: 24 April 2026

Koresponden: zaid.daud@usm.my

ABSTRAK: Penguasaan struktur ayat merupakan elemen penting dalam penghasilan penulisan ilmiah khususnya penggunaan ayat majmuk gabungan bagi memastikan kejelasan dan ketepatan hujah dapat disampaikan dengan baik. Penyampaian hujah yang jelas dan tepat bergantung kepada keupayaan penulis itu sendiri untuk menghasilkan ayat yang gramatis dan koheren. Ayat majmuk gabungan merupakan ayat yang dihasilkan melalui penggabungan dua atau lebih klausa dengan menggunakan kata hubung seperti dan, atau, tetapi, serta, lalu, malahan, sambil serta kemudian. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesalahan sintaksis dan melihat tahap penguasaan ayat majmuk gabungan dalam kalangan mahasiswa major Linguistik bahasa Melayu di Universiti Sains Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menganalisis dokumen terhadap 50 set latihan tutorial yang dipilih secara rawak. Analisis data akan dilaksanakan berpandukan Tatabahasa Dewan dan disokong oleh Teori Transformasi Generatif bagi meneliti ketepatan struktur klausa, pemilihan kata hubung dan kegramatisan ayat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar ayat yang dianalisis menepati ciri ayat majmuk gabungan dari segi penggunaan kata hubung dan hubungan klausa setara namun masih terdapat ayat yang mengandungi kesalahan. Secara keseluruhannya, tahap penguasaan ayat majmuk gabungan dalam penulisan ilmiah mahasiswa dapat dirumuskan berada pada tahap baik. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada penambahbaikan kaedah pengajaran di peringkat universiti.

Kata kunci: Ayat Majmuk Gabungan, Penulisan Ilmiah, Sintaksis Bahasa Melayu, Mahasiswa Linguistik, Latihan Tutorial

ABSTRACT: *Mastery of sentence structure is an essential element in the production of academic writing, particularly the use of compound sentences, to ensure that ideas are conveyed clearly and accurately. Clear and precise argumentation depends on the writer's ability to produce sentences that are grammatical and coherent. Compound sentences are formed through the combination of two or more clauses using coordinating conjunctions such as and, or, but, as well as, then, moreover, while, and after that. Therefore, this study aims to identify syntactic errors and examine the level of mastery of compound sentences among undergraduate students majoring in Malay Linguistics at Universiti Sains Malaysia. This study adopts a qualitative approach by analysing documents from 50 sets of tutorial exercises selected randomly. Data analysis is conducted based on Tatabahasa Dewan and supported by Generative Transformational Theory to examine the accuracy of clause structure, the selection of coordinating conjunctions, and sentence grammaticality. The findings indicate that the majority of the sentences analysed conform to the characteristics of compound sentences in terms of the use of coordinating conjunctions and the relationship between coordinate clauses; however, there are still sentences that contain errors. Overall, the level of mastery of compound sentences in students' academic writing can be categorised as good. Therefore, this study is expected to contribute to the improvement of teaching methods at the university level.*

Keywords: *Compound Sentence, Academic Writing, Malay Syntax, Linguistics Undergraduates, Tutorial Exercises*

PENGENAAN

Ayat majmuk ialah ayat yang dibina dengan mencantumkan dua ayat tunggal atau lebih, lalu percantuman ayat-ayat ini disusun mengikut cara tertentu sehingga menjadikannya sebagai ayat yang baharu (Nik Safiah et al. 2010). Ayat majmuk terdiri daripada beberapa jenis antaranya ayat majmuk gabungan, ayat majmuk pancangan dan ayat majmuk campuran namun kajian ini akan memberi fokus kepada ayat majmuk gabungan sahaja. Ayat majmuk gabungan merupakan ayat yang terdiri daripada dua ayat atau lebih yang dijadikan satu dengan cara menggabungkan atau mencantumkan ayat-ayat tersebut dengan kata hubung seperti dan, atau, tetapi, lalu, serta, kemudian, sambil serta malahan (Nik Safiah et al. 2024). Ayat-ayat yang digabungkan ini mestilah setara sifatnya, iaitu ayat-ayat yang mempunyai taraf yang sama dan boleh berdiri sendiri. Ayat majmuk gabungan juga terdiri daripada tiga jenis, iaitu gabungan yang susunan faktanya berurutan, gabungan yang susunannya memberi maksud pertentangan fakta dalam ayat-ayat yang dihubungkan itu dan gabungan yang susunannya menggabungkan dua ayat atau lebih, menggunakan kata hubung berpasangan seperti *lebih baik... daripada, apakah... ataupun, sama ada... atau* dan sebagainya.

Ayat majmuk gabungan merupakan salah satu komponen penting dalam pembinaan wacana yang koheren dan teratur bagi sesebuah penulisan akademik. Berdasarkan konteks pendidikan tinggi, penulisan ilmiah merupakan komponen utama dalam pengajian di peringkat universiti yang menuntut keupayaan pelajar untuk mengemukakan idea secara jelas, teratur dan kukuh. Penggunaan ayat majmuk gabungan dalam penulisan ilmiah semestinya tidak akan dapat dielakkan. Ayat majmuk gabungan memainkan peranan yang penting untuk menghubungkan idea yang setara, menyusun hujah dengan sistematik serta membina wacana yang koheren. Oleh itu, penguasaan struktur ayat khususnya ayat majmuk gabungan menjadi faktor penting bagi melihat tahap penyampaian seseorang pelajar.

Kajian ini menggunakan Tatabahasa Dewan (2019) sebagai rujukan utama bagi menganalisis struktur ayat majmuk gabungan dalam forum latihan tutorial mahasiswa. Tatabahasa Dewan (DBP 2010) berfungsi sebagai kerangka tatabahasa deskriptif yang sudah menetapkan ciri-ciri kegramatisan ayat bahasa Melayu dan peraturan-peraturan tatabahasa termasuk penggunaan kata hubung dalam ayat majmuk gabungan (Nik Safiah et al. 2024). Selain itu, kajian ini turut disokong oleh Teori Transformasi Generatif yang diperkenalkan oleh Chomsky melalui karyanya *Syntactic Structures* (1957) dan *Aspects of the Theory of Syntax* (1965).

Berdasarkan aliran dalam Tatabahasa Generatif (TG), aspek yang diberi tumpuan ialah bidang sintaksis, dengan bahagian-bahagian fonologi dan semantik, iaitu makna sebagai komponen sampingan. Dasar utama teori ini adalah anggapan bahawa setiap ayat yang dihasilkan sebenarnya mengandungi dua peringkat, iaitu struktur dalaman dan struktur permukaan. Struktur dalaman ialah struktur yang mengandungi ayat dasar atau ayat inti yang diperlukan untuk memberikan semantik ayat, yang biasanya mengandungi bentuk dasar yang diperluas untuk asas makna ayat (Nik Safiah Karim et al. 2010), manakala struktur permukaan merupakan struktur ayat yang biasanya telah mengalami perubahan daripada struktur dalaman.

Mahasiswa major Linguistik Bahasa Melayu seharusnya mempunyai penguasaan sintaksis yang kukuh selaras dengan bidang pengajian mereka. Namun, kajian-kajian lepas mendapati bahawa pelajar sekolah dan penutur bukan jati bahasa Melayu masih mempunyai masalah dalam pembinaan ayat majmuk. Oleh itu, kajian ini akan menilai tahap penguasaan ayat majmuk gabungan dalam kalangan mahasiswa bidang Linguistik di Universiti Sains Malaysia kerana kajian yang memberi fokus terhadap golongan ini masih terhad.

PERNYATAAN MASALAH

Kemahiran, keupayaan dan kemahiran menulis merupakan salah satu elemen penting di dalam dunia akademik (Hanafi et al. 2017). Penulisan ilmiah melibatkan penghasilan ayat yang tepat, teratur dan gramatis untuk menyampaikan hujah secara jelas namun kajian lepas mengenai tahap penguasaan struktur sintaksis dalam penulisan pelajar masih menunjukkan tahap penguasaan yang kurang memuaskan. Buktinya, kajian Noraishah Sakilah et al. (2021) yang bertajuk analisis kata hubung pancangan dalam penulisan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama oleh

pelajar Melayu Tingkatan 1 berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Corder meneliti tentang kesalahan pembinaan struktur ayat majmuk pancangan. Dalam kajian kesalahan tatabahasa bahasa Melayu dalam penulisan karangan pelajar mendapati bahawa pelajar banyak melakukan kesalahan tatabahasa terutamanya dalam aspek sintaksis, semantik dan morfologi seperti kesalahan penggunaan kata sendi dan kata ganti nama diri (Zaliza 2017).

Gambaran yang diberikan dalam kajian lepas tentang masalah penguasaan ayat majmuk

dalam kalangan pelajar dapat dilihat dengan jelas. Kajian-kajian lepas kebanyakannya memberi fokus terhadap pelajar sekolah namun kajian ini akan meneliti penguasaan penggunaan ayat majmuk khusus dalam kalangan mahasiswa major Linguistik Bahasa Melayu. Kelemahan dalam menguasai ayat majmuk gabungan dapat

menyebabkan penyampaian hujah tidak jelas dan tidak koheren sekali gus menunjukkan pengetahuan teori mahasiswa tidak selaras dengan pengaplikasian mereka dalam konteks penulisan. Oleh itu, kajian ini akan meneliti tahap penguasaan mereka yang diharapkan selaras dengan bidang pengajian mereka.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian adalah untuk:

1. Mengenal pasti jenis kesalahan yang berlaku dalam penggunaan ayat majmuk gabungan oleh mahasiswa major Linguistik Bahasa Melayu.
2. Menganalisis penguasaan ayat majmuk gabungan dalam forum latihan tutorial oleh mahasiswa major Linguistik Bahasa Melayu.

KAJIAN LEPAS BERKAITAN AYAT MAJMUK

Penggunaan ayat majmuk dalam sesuatu bahasa merupakan satu aspek penting dalam kajian linguistik kerana ia mencerminkan tahap kebolehan pelajar menghubungkan idea secara sistematik dan teratur dalam penulisan (Ab. Razak et al. 2016). Ayat majmuk bukan sahaja memerlukan penguasaan struktur sintaksis yang lebih kompleks malah mencerminkan kematangan pemikiran penutur melalui keupayaan mereka untuk menghubungkan idea secara teratur (Nik Safiah et al. 2010). Oleh itu, penelitian terhadap penguasaan ayat majmuk dalam kalangan pelajar di pelbagai peringkat pendidikan penting untuk memahami perkembangan kecekapan berbahasa serta mengenal pasti kelemahan dalam pembinaan struktur ayat. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa pelajar masih menghadapi kelemahan ketara dalam penghasilan ayat majmuk dan ayat kompleks yang tidak menepati prinsip sintaksis bahasa Melayu.

Terdapat kajian lepas yang memfokuskan kepada penguasaan ayat majmuk di peringkat sekolah rendah. Penyelidikan yang dilakukan oleh Vanessa dan Nadiatul Adawiyah (2024) adalah berkaitan dengan kesalahan pembinaan ayat majmuk dalam kalangan murid Tahun 3 dan Tahun 5. Hasil dapatan kajian ini memeparkan bahawa terdapat kesilapan tatabahasa masih dilakukan oleh murid Tahun 3. Dapatan menunjukkan bahawa seramai 12 orang murid dikenal pasti melakukan kesalahan penambahan unsur yang tidak perlu dalam pembinaan ayat majmuk gabungan. Kesalahan ini melibatkan pengulangan subjek dan sebahagian predikat yang sama, namun unsur tersebut sepatutnya digugurkan mengikut rumus transformasi ayat majmuk (Nik Safiah et al. 2010). Ringkasnya, ayat yang dibina menjadi kurang gramatis kerana berlakunya pengulangan unsur yang tidak diperlukan.

Kajian Noraishah Sakilah et al. (2021) yang bertajuk analisis kata hubung pancangan dalam penulisan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama oleh pelajar Melayu Tingkatan 1 berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Corder meneliti tentang kesalahan pembinaan struktur ayat majmuk pancangan. Kajian ini meninjau 20 orang pelajar sekolah menengah harian di daerah Segamat, Johor yang terletak di kawasan luar bandar. Pelajar Tingkatan 1 dipilih kerana mereka masih belum menguasai penggunaan kata hubung pancangan dalam ayat majmuk dengan baik berbanding pelajar menengah atas yang lebih terdedah kepada pembelajaran tersebut. Oleh itu, kajian ini dapat memberikan data tentang tahap pemahaman dan penguasaan kata hubung pancangan dalam kalangan pelajar Tingkatan 1. Kajian ini menunjukkan bahawa responden kurang mahir menggunakan kata hubung pancangan keterangan yang betul apabila mendapati penggunaan kata hubung ini mencatatkan kekerapan kesalahan paling tinggi iaitu sebanyak 17 kali berbanding kata hubung pancangan relatif dan kata hubung pancangan komplemen yang masing-masing mencatatkan kesalahan sebanyak 11 kali dan 1 kali.

Dapatan kajian oleh Siti Khodijah (2020) menunjukkan bahawa secara umum pelajar mampu mengenal pasti kata hubung dalam ayat majmuk dengan purata 72% memberikan jawapan yang betul. Namun begitu, sebanyak 28% pelajar masih belum menguasai sepenuhnya ayat majmuk atau gagal memilih kata hubung yang sesuai. Kajian tersebut juga mendapati kelemahan ini berpunca daripada ketidakfahaman terhadap makna perkataan menyebabkan pelajar sering melakukan kesalahan dalam penggunaan kata hubung mengikut rumus ayat.

Kajian oleh Salinah dan Rohaidah (2016) meneliti kesilapan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Universiti Kebangsaan Yunnan

(YUN), China yang mengikuti kursus penulisan di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Kajian ini penting kerana ia menonjolkan realiti penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua (BMK2) dalam konteks pelajar antarabangsa yang memiliki tahap kemahiran asas dan terdedah kepada pengajaran yang berbeza di negara asal. Berdasarkan analisis skrip peperiksaan esei para pelajar, kajian mendapati bahawa tahap penguasaan bahasa Melayu mereka berada pada tahap sederhana dengan majoriti pelajar mencatatkan markah antara 11 hingga 20. Dapatan ini menonjolkan bahawa walaupun pelajar telah mengikuti kursus asas bahasa Melayu di universiti asal, kemahiran menulis mereka masih belum mantap.

Secara keseluruhan, kajian terdahulu lebih menfokuskan kepada penguasaan ayat majmuk dalam kalangan pelajar sekolah rendah dan

menengah. Hasil dapatan menunjukkan bahawa penguasaan ayat majmuk dalam kalangan ini berada pada tahap sederhana dengan kesilapan sintaksis seperti penggunaan kata hubung yang tidak tepat. Dapatan kajian di peringkat sekolah rendah membuktikan bahawa kelemahan ayat majmuk telah bermula sejak awal pendidikan formal dan berterusan hingga ke sekolah menengah. Di peringkat universiti pula, kajian yang dijalankan berkaitan ayat majmuk masih terhad dan kebanyakannya menumpukan kepada kesilapan bahasa secara umum khususnya dalam kalangan pelajar bukan penutur asli. Kajian yang meneliti secara khusus penggunaan ayat majmuk gabungan dalam penulisan ilmiah pelajar universiti tempatan masih belum dilakukan. Oleh itu, wujud jurang penyelidikan yang jelas tentang tahap penguasaan ayat majmuk gabungan dalam penulisan akademik di peringkat universiti.

KAEDAH KAJIAN

Penyelidikan ialah satu proses yang sistematik termasuk merancang kaedah penyelidikan, mengumpul data, menghurai data dan melaporkan maklumat. Proses ini penting kerana dapat memastikan maklumat yang diperoleh adalah munasabah, relevan, dan disokong oleh data kualitatif. Dalam kajian kualitatif, penekanan diberikan kepada pengumpulan maklumat yang berkualiti melalui pemerhatian terhadap sampel kecil dalam satu kumpulan, tanpa keperluan bilangan responden yang besar. Pendekatan kualitatif merangkumi kaedah seperti temu bual, pemerhatian, dan analisis kandungan yang membolehkan penyelidik memperoleh data secara mendalam dan menyeluruh, sekaligus memberikan input tanpa had (Kamarul Azmi 2012).

Dalam konteks kajian ini, penyelidik akan menggunakan pendekatan kualitatif iaitu analisis dokumen bagi mendapatkan data kajian. Kaedah ini merupakan pendekatan yang paling sesuai kerana analisis dokumen ialah satu jenis pengumpulan data yang digunakan untuk meneliti

kandungan teks secara sistematik, merangkumi perkataan, ayat, makna dan mesej yang berkaitan dengan komunikasi. Pendekatan ini turut digunakan dalam beberapa kajian linguistik Bahasa Melayu, antaranya kajian oleh Nurul Adzwa et al. (2020) yang menganalisis kesalahan tatabahasa dalam penulisan pelajar universiti melalui analisis kandungan karangan. Kajian tersebut membuktikan bahawa penggunaan bahasa Melayu yang tepat amat penting dalam konteks penulisan akademik, khususnya dalam memastikan kesesuaian struktur ayat dengan tujuan penulisan.

Oleh hal yang demikian, penggunaan kaedah analisis kandungan dalam kajian ini diyakini dapat membantu memperlihatkan tahap penguasaan mahasiswa terhadap pembinaan ayat majmuk gabungan serta ketepatan penggunaannya dalam penulisan latihan tutorial. Penggunaan analisis dokumen membolehkan pengkaji memperoleh data yang relevan dan sahih untuk memahami isu dan permasalahan yang dikaji.

Sampel Kajian

Dalam kajian ini, populasi kajian terdiri daripada mahasiswa Universiti Sains Malaysia (USM) yang mengambil kursus Linguistik Bahasa Melayu sebagai major. Pemilihan populasi ini adalah bersesuaian kerana kelompok mahasiswa ini terlibat secara aktif dalam penulisan latihan tutorial dan menggunakan bahasa Melayu sebagai medium utama untuk menyelesaikan tugas akademik mereka. Mahasiswa major Linguistik Bahasa Melayu dianggap mempunyai pendedahan formal terhadap aspek tatabahasa dan penulisan akademik termasuk penggunaan ayat majmuk

gabungan. Oleh itu, mereka merupakan kumpulan yang sesuai untuk dikaji bagi menilai tahap penguasaan terhadap struktur ayat majmuk gabungan dalam konteks penulisan latihan tutorial terutamanya melalui tugas yang dibuat sepanjang pengajian di laman web rasmi USM, iaitu *portal e-learning*.

Sampel kajian pula melibatkan seramai 50 orang mahasiswa yang dipilih daripada populasi tersebut. Data kajian diperoleh daripada 50 set latihan tutorial yang dihasilkan oleh mahasiswa berkenaan. Daripada

keseluruhan data tersebut, sebanyak 32 ayat majmuk gabungan telah dikenal pasti dan dipilih untuk tujuan analisis berdasarkan kriteria tertentu, iaitu hanya ayat yang mengandungi struktur ayat majmuk gabungan sahaja diambil kira. Pemilihan data ini adalah bersesuaian kerana tidak semua latihan tutorial dalam populasi menunjukkan penggunaan struktur tersebut. Latihan tutorial dipilih sebagai sumber data kerana bahan ini mencerminkan penggunaan bahasa akademik

sebenar oleh mahasiswa dalam konteks pembelajaran formal. Melalui latihan tersebut, mahasiswa menghasilkan penulisan secara autentik tanpa pengaruh langsung daripada pengkaji. Oleh itu, analisis terhadap 32 ayat majmuk gabungan ini dijangka dapat memberikan gambaran yang jelas tentang tahap penguasaan struktur ayat majmuk gabungan dalam kalangan mahasiswa major Linguistik Bahasa Melayu di USM.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah latihan tutorial yang diperoleh melalui *portal e-learning* USM. Latihan tutorial tersebut dikumpulkan daripada forum perbincangan yang dijalankan sepanjang sesi kelas tutorial di *portal e-learning*. Mahasiswa major Linguistik Bahasa Melayu dikehendaki memberikan jawapan secara bertulis bagi setiap tugas yang ditetapkan. Jawapan yang dihantar oleh mahasiswa melalui forum tersebut kemudiannya dianalisis sebagai data kajian. Pemilihan latihan tutorial dalam bentuk *forum e-learning* sebagai instrumen kajian bertujuan untuk memperoleh data linguistik yang bersifat autentik khususnya berkaitan penggunaan ayat majmuk gabungan dalam penulisan ilmiah mahasiswa.

Penggunaan analisis dokumen sebagai kaedah pengumpulan data adalah bersesuaian kerana kaedah ini membolehkan pengkaji meneliti struktur ayat secara langsung tanpa mempengaruhi proses penghasilan penulisan oleh responden. Selain itu, pengumpulan data melalui analisis dokumen dapat memberikan maklumat yang relevan terhadap isu dan permasalahan yang dikaji (Kamarul Azmi 2012). Oleh itu, latihan tutorial yang dianalisis melalui *platform e-learning* ini dianggap sesuai untuk menilai tahap penguasaan ayat majmuk gabungan oleh mahasiswa dalam penulisan latihan tutorial.

Analisis Data

Data-data ini telah dikumpulkan secara kualitatif dan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Analisis dilakukan dengan melihat setiap satu data iaitu ayat majmuk berpandukan Tatabahasa Dewan (2010) bagi melihat pematuhan dalam pembentukan ayat tersebut. Kesalahan yang dikenalpasti akan dilihat melalui kekerapan

bagi setiap jenis kesalahan yang disenaraikan diikuti dengan pengiraan kekerapan setiap jenis kesalahan. Tahap penguasaan mahasiswa dinilai berdasarkan peratusan ayat yang menepati dan tidak menepati ciri-ciri ayat majmuk gabungan seperti yang digariskan dalam Tatabahasa Dewan.

DAPATAN KAJIAN

Analisis Ayat Majmuk Gabungan dalam Forum Latihan Tutorial

Ayat majmuk gabungan dalam bahasa Melayu dapat digambarkan seperti berikut:

$$A + \text{Kata Hubung Gabungan} + A_n, (\text{di mana } n \geq 2)$$

Rumus ini berikut menjelaskan bahawa ayat gabungan merupakan ayat yang terdiri daripada dua ayat atau lebih yang bertaraf setara dan dihubungkan dengan kata hubung gabungan. (A) bermaksud dua atau lebih ayat tunggal digabungkan dengan kata hubung gabungan untuk membentuk ayat majmuk, manakala (A_n) pula mewakili ayat tunggal yang digabungkan (Hashim 1989:7). Ayat majmuk gabungan juga ditakrifkan sebagai ayat yang terdiri daripada dua ayat atau

lebih yang dijadikan satu dengan cara menggabungkan atau mencantumkan ayat-ayat tersebut dengan kata hubung seperti dan, atau, tetapi, dan sebagainya (Nik Safiah et al. 2010). Oleh itu, bahagian ini akan menganalisis beberapa data yang menepati dan tidak menepati ciri-ciri ayat majmuk gabungan berdasarkan data yang diperoleh melalui latihan tutorial bagi mengenal pasti jenis kesalahan yang berlaku.

Ayat majmuk gabungan menggunakan kata hubung “dan”

(a) Ayat yang menepati ciri ayat majmuk gabungan.

1. Reka bentuk kuantitatif deskriptif ***dan*** korelasi ini selaras dengan objektif kajian kerana ia membolehkan pengkaji mengukur tahap serta mengenal pasti hubungan ***dan*** perbezaan antara pembolehubah sosial dengan tahap pengamalan bahasa secara objektif ***dan*** berangka.
2. Niat penutur ialah untuk mempromosikan produk ***dan*** mengajak pengikut membeli.
3. Ujaran ini menggunakan kata ajakan “jom” yang bersifat mesra dalam ajakan untuk mencuba resepi tersebut ***dan*** menunjukkan aktiviti bersama antara penutur ***dan*** pendengar.
4. Maksud "laju" dalam konteks korpus ini ialah gerakan lembut ***dan*** berirama yang menenangkan, bukan “*pantas*” secara literal.
5. Untuk mengenal pasti tahap pengamalan bahasa Melayu dalam kalangan Gen Z serta melihat pertaliannya dengan faktor latar sosial seperti jantina, lokasi, kaum, ***dan*** bidang pengajian.


(b) Ayat yang tidak menepati ciri ayat majmuk gabungan.

1. Kajian ini dijalankan secara dalam talian ***dan*** melibatkan responden daripada pelbagai latar belakang.
2. Perubahan makna berlaku secara berperingkat ***dan*** bergantung pada konteks penggunaan.
3. Ujaran ini berfungsi sebagai seruan atau ajakan kepada masyarakat supaya tidak pasif ***dan*** menunjukkan sokongan terhadap perjuangan rakyat Palestin.

Senarai di atas, merupakan ayat majmuk gabungan menggunakan kata hubung “*dan*” yang diperoleh daripada forum latihan tutorial. Berdasarkan data yang diperoleh, jumlah yang menepati ciri-ciri penggunaan kata hubung “*dan*” dalam ayat majmuk adalah baik. Buktinya,

sebanyak 5 ayat menepati ciri-ciri ayat majmuk dan hanya 3 ayat yang mengandungi kesalahan. Analisis dibawah akan menjelaskan ayat yang menepati dan tidak menepati ciri-ciri ayat majmuk gabungan:

- (i) Niat penutur ialah untuk mempromosikan produk ***dan*** mengajak pengikut membeli.



RAJAH 1: Perkaitan ayat majmuk

Berdasarkan rajah 1, ayat majmuk gabungan iaitu Ayat 1 (*Niat penutur adalah untuk mempromosikan produk.*) terdiri daripada gabungan Ayat 2 (*Niat penutur ialah untuk mengajak pengikut membeli.*) melalui kata hubung (*dan*). Kata hubung “*dan*” digunakan bagi menggabungkan dua unsur yang bersifat setara. Gandingan klausa unsur kedua

merupakan lanjutan cerita dari klausa pertama (Asmah 2009). Jikalau ayat-ayat yang digabungkan itu mempunyai unsur yang sama dan diulang, maka bahagian yang sama itu boleh digugurkan (Nik Safiah et al. 2010). Oleh itu, ayat majmuk di atas terdiri daripada dua ayat tunggal yang telah dijadikan ayat majmuk dengan

Ayat majmuk gabungan menggunakan kata hubung “atau”

(a) Ayat yang menepati ciri ayat majmuk gabungan

1. Makna umum “tular” ialah mudah merebak ***atau*** tersebar.
2. Pendengar ***atau*** pengikut merasa teruja, percaya dengan kualiti produk, dan terdorong untuk membeli melalui pautan yang diberi (“beg kuning”).
3. Pendekatan kuantitatif ini boleh digabungkan dengan pendekatan kualitatif (*mixed methods*) seperti temubual guru ***atau*** pemerhatian mendalam terhadap tingkah laku pelajar bagi mendapatkan pemahaman yang lebih menyeluruh tentang cara dan sebab media *flash card* memberi kesan terhadap perkembangan linguistik serta kognitif kanak-kanak.

(b) Ayat yang tidak menepati ciri ayat majmuk gabungan

1. Kesan terhadap pendengar ialah rasa empati, marah, ***atau*** semangat patriotik.


4. Ujaran ini berfungsi sebagai seruan ***atau*** ajakan kepada masyarakat supaya tidak pasif dan menunjukkan sokongan terhadap perjuangan rakyat Palestin.
5. Ayat ini menekankan perbezaan antara apa yang dirasakan ***atau*** disembunyikan pasangan (“kau”) dengan kesedaran dan penerimaan penyanyi (“aku”).
6. Inferens bermaksud meneka ***atau*** memahami maksud tersembunyi daripada apa yang dikatakan berdasarkan keadaan.”

2. Perasaan dan andaian ini wujud dalam diri saya apabila saya telah kehilangan insan yang paling saya sayangi ***atau*** boleh saya katakan insan yang saya anggap seluruh hidup saya ada padanya iaitu Ayah saya.

Senarai di atas menunjukkan ayat majmuk gabungan yang menggunakan kata hubung “atau” daripada forum latihan tutorial. Daripada data yang dikumpulkan, sebanyak 6 ayat memenuhi ciri-ciri

penggunaan “atau” dengan betul, manakala 2 ayat masih mengandungi kesilapan. Analisis berikut akan memperincikan ayat-ayat yang mematuhi dan yang tidak mematuhi ciri ayat majmuk gabungan.

(i) Makna umum “tular” ialah mudah merebak ***atau*** tersebar.



RAJAH 3: Perkaitan ayat majmuk

Berdasarkan Rajah 3, ayat majmuk gabungan iaitu Ayat 1 (*Makna umum “tular ialah mudah merebak.*) terdiri daripada gabungan Ayat 2 (*Makna umum “tular” ialah tersebar.*) melalui kata hubung (atau). Ayat di atas terdiri daripada dua ayat tunggal yang telah digabungkan menjadi satu ayat majmuk dengan menggugurkan satu frasa yang berulang iaitu *makna umum “tular” ialah*. Ayat majmuk gabungan ini

dibentuk menggunakan kata hubung “atau” yang digunakan untuk menyatakan pilihan antara dua atau lebih elemen dalam ayat (Asmah 2022). Kata hubung “atau” berperanan untuk menghubungkan kata, frasa atau ayat yang setaraf. Elemen-elemen yang dihubungkan ini boleh dipilih salah satu sahaja atau kedua-duanya dalam konteks yang tertentu (Nik Safiah et al. 2010). Berdasarkan istilah linguistik,

Ayat majmuk gabungan dengan menggunakan kata hubung “tetapi”

(a) Ayat yang menepati ciri ayat majmuk gabungan

1. Perkataan tular berasal daripada kata dasar bahasa Melayu yang bermaksud mudah tersebar ***tetapi*** kini digunakan secara meluas dalam konteks media sosial.
2. Kesimpulannya, perkataan “pisang” bukan sekadar nama buah, ***tetapi*** juga mempunyai makna denotatif, konotatif, dan sosial yang luas.
3. Ayat ini menekankan perbezaan antara harapan pasangan (“kau”) dengan realiti diri penyanyi (“aku”), ***tetapi*** tetap menegaskan kesetiaan dan cinta tanpa syarat: walaupun tidak memenuhi impian pasangan sepenuhnya, cinta tetap diberikan.
4. Kehidupan yang ceria tidak semestinya bermaksud tiada masalah, **tetapi** ia diibaratkan melalui metafora seperti cahaya yang tetap wujud walaupun awan mendung menutupi sebahagiannya.
5. Semakin saya mendalami semantik, semakin saya sedar bahawa kehidupan bukan hanya tentang mencari jawapan yang betul, ***tetapi*** menafsir maksud tersirat di sebalik pengalaman.
6. Metafora ini mengimplikasikan bahawa kekuatan rohani bukan hanya datang dari dalam diri, ***tetapi*** turut dibina melalui hubungan yang penuh makna.
7. Pengengaruh menyatakan bahawa kucingnya makan sayur, ***tetapi*** penonton dan pendengar tidak makan sayur.


(b) Ayat yang tidak menepati ciri ayat majmuk gabungan.

1. Pendengar akan cuba faham makna paling relevan ***tetapi*** masuk akal berdasarkan konteks dan inferens.

Senarai di atas merupakan ayat majmuk gabungan yang menggunakan kata hubung “tetapi” yang diperoleh daripada forum latihan tutorial. Berdasarkan data yang dikumpulkan, jumlah ayat yang menepati ciri-ciri penggunaan kata hubung

“tetapi” adalah sangat baik. Buktinya, sebanyak 7 ayat menepati ciri-ciri ayat majmuk, manakala 1 ayat mengandungi kesalahan. Analisis berikut akan menjelaskan ayat-ayat yang mematuhi dan yang tidak mematuhi ciri ayat majmuk gabungan.

- (i) Pengengaruh menyatakan bahawa kucingnya makan sayur, ***tetapi*** penonton dan pendengar tidak makan sayur.



RAJAH 5: Perkaitan ayat majmuk


Berdasarkan Rajah 5, ayat majmuk gabungan terdiri daripada gabungan dua ayat tunggal melalui penggunaan kata hubung gabungan “tetapi”. Ayat pertama iaitu “Pengaruh menyatakan bahawa kucingnya makan sayur.” menerangkan maklumat pengaruh berkaitan tabiat pemakanan kucingnya.

Ayat kedua, iaitu “Pengaruh menyatakan bahawa penonton dan pendengar tidak makan sayur” pula menyampaikan maklumat yang bertentangan dengan ayat pertama, iaitu pernyataan bahawa penonton dan pendengar tidak melakukan perbuatan yang sama. Penggunaan kata hubung

gabungan “*tetapi*” dalam ayat ini adalah betul dari segi tatabahasa kerana ayat kedua menampilkan unsur perlawanan makna terhadap ayat pertama. Pertentangan makna ini ditandai dengan jelas melalui penggunaan kata nafi “*tidak*” dalam ayat

kedua yang menegaskan perlawanan terhadap maklumat dalam ayat pertama. Ayat kedua mengalami penghilangan unsur yang sama, iaitu frasa “*pempengaruh menyatakan bahawa*” yang telah dinyatakan dalam ayat pertama.

(ii) Pendengar akan cuba faham makna paling relevan *****tetapi***** masuk akal berdasarkan konteks dan inferens.



RAJAH 6: Perkaitan ayat majmuk

Berdasarkan dapatan, ayat majmuk gabungan, iaitu “*Pendengar akan cuba faham makna paling relevan tetapi masuk akal berdasarkan konteks dan inferens.*” terdiri daripada gabungan dua ayat tunggal melalui kata hubung “*tetapi*”. Ayat pertama “*Pendengar akan cuba faham makna paling relevan.*” menjelaskan tindakan pendengar dalam memahami makna, manakala ayat kedua “*Makna tersebut masuk akal berdasarkan konteks dan inferens.*” memberikan keterangan tambahan mengenai kriteria pemahaman tersebut. Penggunaan kata hubung “*tetapi*” dalam ayat ini adalah tidak tepat kerana ayat kedua tidak menunjukkan

perlawanan atau pertentangan terhadap ayat pertama. Kata hubung “*tetapi*” mengandungi komponen makna perlawanan, ia hanya sesuai digunakan apabila ayat kedua bertentangan atau berlawanan dengan ayat pertama sama ada secara nyata atau implisit (Asmah 2022). Dalam ayat ini, ayat kedua hanya melanjutkan atau memperincikan makna ayat pertama tanpa menunjukkan pertentangan makna. Oleh itu, dapatan menunjukkan bahawa penggunaan kata hubung “*tetapi*” harus memenuhi prinsip perlawanan makna antara ayat pertama dengan ayat kedua, dan dalam ayat majmuk gabungan ini ayat kedua tidak berlawanan dengan ayat pertama.

Ayat majmuk gabungan menggunakan kata hubung “serta”

1. Pendekatan kuantitatif ini boleh digabungkan dengan pendekatan kualitatif (*mixed methods*) seperti temu bual guru atau pemerhatian mendalam terhadap tingkah laku pelajar bagi mendapatkan pemahaman yang lebih menyeluruh tentang cara dan sebab media *flash card* memberi kesan terhadap perkembangan linguistik *****serta***** kognitif kanak-kanak.

(a) Ayat yang menepati ciri ayat majmuk gabungan.

2. Manusia berusaha mencapai kejayaan *****serta***** menghadapi kegagalan dengan tabah.

3. Apabila pohon ditanam di tempat yang baik dan dipelihara dengan sempurna, ia akan tumbuh indah *****serta***** memberi manfaat kepada sesiapa yang memandangnya.

(b) Ayat yang tidak menepati ciri ayat majmuk gabungan.


1. Untuk mengenal pasti tahap pengamalan bahasa Melayu dalam kalangan Gen Z *****serta***** melihat pertaliannya dengan faktor latar sosial seperti jantina, lokasi, kaum, dan bidang pengajian.

2. Dalam kehidupan saya, saya dikelilingi oleh pelbagai ragam manusia yang mengajar saya pelbagai erti seperti kita tidak boleh mempercayai orang tersebut seratus peratus, kita perlu memahami dan mendengar pendapat

- orang lain, ***serta*** kita perlu berusaha untuk mendapatkan sesuatu yang kita impikan.
3. Pada saat ini, makna kehidupan bagi saya ialah tempat di mana untuk saya memperbaiki diri ***serta*** sentiasa percaya diri bahawa apa yang Allah swt tetapkan untuk saya di dunia ada hikmah disebaliknya.
 4. Makna kehidupan pada pandangan saya ialah proses berterusan untuk mengenali diri sendiri ***serta*** memahami peranan manusia dalam hubungan dengan Tuhan.
 5. Selain itu, kehidupan adalah tempat untuk memperbaiki kelemahan diri ***serta*** sentiasa percaya bahawa setiap ketentuan Tuhan mempunyai hikmah.

Berdasarkan forum latihan tutorial terdapat beberapa ayat majmuk gabungan yang menggunakan kata hubung “serta” yang dikenal pasti. Analisis ayat majmuk gabungan menggunakan kata hubung “serta” dapat dihuraikan seperti berikut:

- (i) Manusia berusaha mencapai kejayaan ***serta*** menghadapi kegagalan dengan tabah.



RAJAH 7: Perkaitan ayat majmuk

Ayat dalam Rajah 7 merupakan ayat yang menepati yang menepati ciri-ciri ayat majmuk gabungan melalui penggunaan kata hubung serta. Ayat 1 (*Manusia berusaha mencapai kejayaan.*) terdiri daripada gabungan ayat 2 iaitu (*Manusia berusaha menghadapi kegagalan dengan tabah.*) melalui gabungan kata hubung (*serta*). Ayat majmuk


gabungan ini terdiri daripada dua ayat tunggal di mana subjeknya *manusia berusaha* boleh digugurkan apabila penggabungan berlaku. Ayat ini menepati ciri-ciri ayat majmuk gabungan kerana menghubungkan dua klausa bebas yang setara hubungannya. Buktinya:

- a) Manusia berusaha mencapai kejayaan.
FN FK
- b) Manusia berusaha menghadapi kegagalan dengan tabah.
FN FK

Berdasarkan huraian di atas, ayat tersebut mempunyai subjek yang berulang iaitu *manusia* dengan dua predikat yang berbeza iaitu *berusaha mencapai kejayaan* dan *berusaha menghadapi kegagalan dengan tabah*. Predikat ayat 1 dan ayat 2

kemudiannya digabungkan menggunakan kata hubung *serta* bagi membentuk ayat majmuk. Penggunaan kata hubung *serta* dalam ayat ini digunakan dengan tepat dan sesuai dengan konteks penggunaannya.

- (ii) Untuk mengenal pasti tahap pengamalan bahasa Melayu dalam kalangan Gen Z ***serta*** melihat pertaliannya dengan faktor latar sosial seperti jantina, lokasi, kaum, dan bidang pengajian.



RAJAH 8: Perkaitan ayat majmuk


Berdasarkan Rajah 8, ayat majmuk gabungan, iaitu Ayat 1 (*Untuk mengenal pasti tahap pengamalan bahasa Melayu dalam kalangan Gen Z.*) terdiri daripada gabungan Ayat 2 (*Untuk melihat pertaliannya dengan faktor latar sosial seperti jantina, lokasi, kaum, dan bidang pengajian.*) melalui kata hubung “serta”. Ayat di atas merupakan gabungan daripada dua ayat tunggal. Ayat ini digabungkan melalui penggunaan kata hubung “serta” namun terdapat kesalahan yang tidak menepati ciri-ciri ayat majmuk gabungan seperti

yang dinyatakan dalam Tatabahasa Dewan (2010). Ayat ini tidak mempunyai kehadiran subjek yang jelas dan menunjukkan penggunaan kata hubung “serta” yang menggabungkan dua klausa yang tidak setara. Umumnya, kata hubung gabungan digunakan untuk menggabungkan unsur-unsur yang setara seperti frasa, klausa atau elemen padanan yang mempunyai kedudukan sintaksis yang sama (Nik Safiah et al. 2010). Klausa pertama dan kedua dalam ayat ini tidak setara kerana mengandungi dua tujuan yang berbeza.

Tahap Penguasaan Ayat Majmuk Gabungan dalam Kalangan Mahasiswa Major Linguistik Bahasa Melayu

Bahagian ini membincangkan tahap penguasaan ayat majmuk gabungan dalam forum latihan tutorial. Analisis tahap penguasaan dilakukan melalui pemerolehan data yang dikumpul daripada latihan tutorial mahasiswa. Sebanyak 32 ayat majmuk

gabungan telah dikenal pasti dan dianalisis berdasarkan ciri-ciri ayat majmuk gabungan yang dinyatakan dalam Tatabahasa Dewan (Nik Safiah et al. 2010).



GRAF 1: Tahap penguasaan ayat majmuk gabungan

Berdasarkan Graf 1 tahap penguasaan ayat majmuk gabungan, sebanyak 32 ayat majmuk gabungan telah dianalisis di mana setiap satu jenis kata hubung mempunyai 8 ayat. Tahap penguasaan mahasiswa terhadap penggunaan kata hubung gabungan adalah tidak selaras mengikut jenis penggunaan kata hubung. Buktinya, kata hubung “*tetapi*” menunjukkan tahap penguasaan tertinggi, apabila 87.5% ayat yang dihasilkan menepati ciri-ciri ayat majmuk gabungan, manakala hanya 12.5% tidak menepati ciri yang ditetapkan. Hal ini dapat menunjukkan bahawa mahasiswa lebih memahami fungsi pertentangan yang dibawa oleh kata hubung “*tetapi*” serta mampu menggunakannya secara gramatis dalam pembinaan ayat.

Seterusnya, kata hubung “*atau*” pula mencatatkan tahap penguasaan yang agak baik, dengan 75% ayat menepati ciri-ciri ayat majmuk gabungan dan 25% lagi tidak menepati ciri tersebut. Keadaan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar mahasiswa dapat menguasai fungsi pemilihan atau alternatif yang terkandung dalam penggunaan kata hubung ini, walaupun masih terdapat segelintir mahasiswa yang keliru dari segi struktur ayat.

Tahap penguasaan dalam penggunaan kata hubung “*dan*”, adalah sederhana apabila 62.5% ayat menepati ciri ayat majmuk gabungan, manakala 32.5% lagi mengandungi kesalahan yang tidak

menepati ciri-cirinya. Kata hubung “*dan*” dapat dikatakan sebagai kata hubung yang paling lazim digunakan namun dapatan ini menunjukkan bahawa mahasiswa masih menghadapi kesukaran untuk membezakan antara ayat majmuk gabungan dengan ayat tunggal yang mengalami peluasan frasa.

Akhir sekali, penggunaan kata hubung “*serta*” menunjukkan tahap penguasaan yang rendah. Ayat yang menepati ciri-ciri ayat majmuk gabungan hanya 37.5% manakala selebihnya iaitu 62.5% mengandungi kesalahan. Perkara ini berlaku mungkin kerana mahasiswa masih keliru terhadap fungsi kata hubung “*serta*” yang sering disalahgunakan seperti digunakan sebagai penghubung frasa.

Oleh itu, dapatan ini menunjukkan tahap penguasaan ayat majmuk gabungan dalam kalangan mahasiswa masih memerlukan penambahbaikan dan ada kelemahan yang perlu diberi perhatian. Segelintir mahasiswa masih belum memahami konsep kesetaraan ayat sepenuhnya apabila menggunakan kata hubung gabungan. Kesalahan yang dikenal pasti menunjukkan bahawa pengajaran dan pembelajaran tatabahasa harus memberi penekanan yang lebih sistematik kepada aspek pembinaan ayat majmuk gabungan, terutamanya dalam konteks penulisan akademik.

KESIMPULAN

Kajian ini dijalankan bagi menilai tahap penguasaan ayat majmuk gabungan dalam forum latihan tutorial oleh mahasiswa major Linguistik bahasa Melayu di Universiti Sains Malaysia. Analisis dilaksanakan menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis dokumen dengan berpandukan Tatabahasa Dewan (Nik Safiah et al. 2010) dan Teori Transformasi Generatif oleh Chomsky bagi meneliti kegrammatikan ayat, penggunaan kata hubung dan hubungan antara klausa. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa mahasiswa mempunyai tahap penguasaan yang baik dalam pembinaan ayat majmuk gabungan. Sebahagian besar ayat yang dianalisis menepati ciri-ciri ayat majmuk gabungan seperti penggunaan kata hubung yang sesuai bagi menghubungkan idea secara setara. Kajian ini turut mengesan beberapa kelemahan, khususnya kekeliruan antara penggabungan klausa dan frasa

yang menyebabkan beberapa ayat tidak memenuhi ciri ayat majmuk gabungan. Kegagalan menghasilkan ayat majmuk gabungan yang lengkap menunjukkan bahawa proses penyelarasan klausa bebas tidak dapat diaplikasikan secara konsisten dalam penulisan mahasiswa.

Secara keseluruhan, implikasi daripada kajian ini menunjukkan bahawa pengajaran tatabahasa di peringkat universiti disampaikan dengan baik. Mahasiswa dari bidang linguistik ini menunjukkan penguasaan yang baik dalam bidang mereka sendiri dan mungkin hanya sebahagian kecil masih lemah dan memerlukan bimbingan. Oleh itu, kajian ini berjaya mencapai objektif yang ditetapkan dan diharapkan dapat menyumbang kepada penambahbaikan kaedah pengajaran serta menjadi asas kepada kajian lanjutan berkaitan struktur ayat bahasa Melayu di peringkat pengajian tinggi.

PENGHARGAAN

Kajian dan penerbitan artikel ini tidak dibiayai oleh mana-mana geran penyelidikan, tajaan atau bantuan kewangan.

RUJUKAN

- Ab. Razak Ab. Karim & Nurul Ain Alizuddin. 2016. Pantun Melayu: Ayat majmuk gabungan bahasa Melayu. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 4(2): 23-36
- Asmah Haji Omar. 2009. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2022. *Nahu Melayu Mutakhir. Edisi Kelima*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hanafi Hj Mohd Tahir, Mohd Khairulnizam Ramlie, & Anwar Fikri Abdullah. 2017. Keupayaan menulis dan menangani cabaran penulisan ilmiah bagi pelajar-pelajar siswazah. *Ideology Journal* 2(2): 83-91.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2012. Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012*, Puteri Resort Melaka, Malaysia.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. 2010. *Tatabahasa Dewan. Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noraishah Sakilah Kamat, Nur Farahkhanna Mohd Rusli, Norfaizah Abdul Jabar & Aireen Aina Bahari. 2021. Analisis kata hubung pancangan dalam penulisan bahasa elayu sebagai bahasa pertama oleh pelajar Melayu tingkatan satu berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Corder. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 11(2): 1-14.
- Nurul Adzwa Ahamad, Nur Farahkhanna Mohd Rusli & Norfaizah Abdul Jabar. 2020. Analisis kesalahan imbuhan dalam penulisan karangan pelajar dan hubung kait dari segi makna gramatikal. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 10(1): 77-90.
- Salinah Jaafar & Rohaidah Haron. 2016. Kesilapan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Universiti Kebangsaan Yunnan di Akademi Pengajian Melayu. *Jurnal Melayu* 15(2): 197-209.
- Shamsul Aizuwani Nawi & Tee Hui Fen. 2020. Analisis kesilapan bahasa dalam penulisan ayat majmuk murid Melayu dan bukan Melayu tahap dua: Satu kajian kes. Dalam *Prosiding Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP)* Ambilan Jun 2016–2020. Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Siti Khodijah Che Mee. 2020. Penguasaan sintaksis bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik Melayu di Universiti Putra Malaysia. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 8(1): 59-73.
- Vanessa Vynn Aline & Nadiatul Adawiyah Ali Bakar. 2024. Kesalahan pembinaan ayat majmuk dalam kalangan murid tahun 3 dan tahun 5: penjabaran Teori Corder. *Seminar Bahasa, Budaya dan Sastera 2024* Anjuran Kulliyah Pelancongan Mampan & Bahasa Kontemporari (UIAM), 28 April 2024.
- Zaliza Mohamad Nasir. 2017. Kesalahan tatabahasa bahasa Melayu dalam penulisan karangan pelajar. *LSP International Journal* 17(2): 45-60.